



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعيه نكري ملاك

**KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA

Tel. Pejabat : 06 - 233 2050
Sambutan : 3501
Fax : 06-2311275
Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Rujukan Kami: MSNM 500-5/2 ()
Tarikh : 26hb Februari 2015

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Sulh,
Tuan/Puan Penolong Pendaftar,
Tuan/Puan Pembantu Hakim,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2015

**Kehadiran Bakal Pasangan Semasa Perbicaraan Permohonan Wali Hakim / Tuntutan Wali Enggan /
Kebenaran Nikah Bawah Umur**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka bil.1 tahun 2014 pada 3 hingga 5 November 2014 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju memutuskan bahawa;


1. Bakal pasangan pemohon dikehendaki hadir di hadapan Hakim bicara semasa dalam perbicaraan kes Permohonan Wali Hakim, Tuntutan Wali Enggan atau Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur untuk penyiasatan dan penentuan kafa'ah bagi pasangan yang bakal berkahwin.
2. Sekiranya bakal pasangan tidak hadir atas alasan yang munasabah dan Mahkamah telah berpuashati, maka Mahkamah bolehlah mengambil keterangan kaum keluarga bakal pasangan atau pengesahan daripada majikan bakal pasangan atau dibuktikan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"
"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG , FASA II"
"BERKAT, TEPAT, CEPAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


(YAA TUAN MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)
Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka